



KEMENTERIAN PERUSAHAAN
PERLADANGAN DAN KOMODITI

KENYATAAN MEDIA MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI

Assalamualaikum dan salam sejahtera.

1. Seperti sedia maklum, negara kita sedang mengalami satu tempoh yang amat mencabar ketika ini berikutan penyebaran wabak COVID-19 yang telah menjangkiti lebih 1,000 orang.
2. Kementerian amat memahami kesulitan yang dialami oleh seluruh rakyat Malaysia ketika ini. Kementerian juga sedar, golongan yang turut terkesan adalah hampir sejuta pekebun kecil sawit dan getah serta lebih 5 juta rakyat Malaysia yang bergantung pendapatan di sepanjang rantai industri sawit dan getah negara.
3. Dalam hal ini, sepertimana yang saya maklumkan melalui kenyataan media pada 19 Mac 2020, Kementerian telah memberi kelonggaran kepada estet, kilang buah sawit dan kilang penapis sawit dan getah termasuk pekebun kecil sawit dan getah untuk terus menjalankan aktiviti dan beroperasi secara terkawal dengan beberapa syarat yang telah ditetapkan. Kelonggaran ini adalah untuk menjamin bekalan makanan dalam negara berasaskan sawit serta keperluan peralatan perubatan berasaskan getah tidak terganggu pengeluarannya selama tempoh Perintah Kawalan Pergerakan.
4. Atas keprihatinan kepada situasi yang berlaku, sukacita saya ingin mengumumkan bahawa:
 - 4.1. Persatuan Minyak Sawit Malaysia (MPOA) yang mempunyai keahlian melebihi 120 buah syarikat, telah berbesar hati untuk menyumbang peralatan dan barangan seperti alat bantuan pernafasan, test kit COVID-19, cecair pencuci tangan (hand sanitizer), topeng muka, pakaian perlindungan diri dan lain-lain peralatan perubatan bernilai RM5 juta kepada Kementerian Kesihatan Malaysia dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO).

- 4.2 Majlis Promosi Eksport Getah Malaysia (MREPC), sebuah Majlis di bawah Kementerian saya dan Persatuan Pengeluar Sarung Tangan Getah Malaysia (MARGMA), bercadang untuk memberi sumbangan 21 juta sarung tangan getah perubatan bernilai RM3.5 juta kepada Kementerian Kesihatan Malaysia dan agensi Kerajaan lain seperti PDRM, Imigresen dan Bomba;
5. Sumbangan mereka adalah untuk mengurangkan bebanan Kerajaan dalam mengharungi tempoh yang sukar ini. Ia juga adalah sebagai tanda solidarity ahli-ahli persatuan untuk berdiri teguh di belakang kepimpinan Kerajaan.
 6. Bagi menjamin urusan penyampaian yang cepat dan berkesan kepada sasaran bantuan, mekanisme agihan akan dilaksanakan oleh MPOA dan MARGMA kepada KKM dan Agensi di bawah KKM
 7. Bagi pihak Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, saya amat berterima kasih kepada MREPC serta semua ahli Persatuan Pengeluar Sarung Tangan Getah Malaysia dan Persatuan Minyak Sawit Malaysia atas sumbangan berkaitan.
 8. Semoga sumbangan ini akan menjadi pemangkin dan pencetus semangat kepada mereka yang terlibat terutamanya para doktor, jururawat dan petugas-petugas di hospital untuk terus menyumbang bakti kepada rakyat dan negara.

Sekian, terima kasih.

YB Dato' Dr Mohd Khairuddin Aman Razali
Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi

Putrajaya 23 Mac 2020